



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 19/2026

PEMAKLUMAN HARI PENAMAAN CALON
PILIHAN RAYA UMUM (PRU)
DEWAN NEGERI JOHOR KE-16

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menetapkan tarikh **Hari Penamaan Calon (HPC) PRU Dewan Negeri Johor Ke-16** pada **27 Jun 2026 (Sabtu)**. Kertas penamaan calon hendaklah diserahkan antara **jam 9:00 pagi sehingga 10:00 pagi** kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya di **56 Pusat Penamaan Calon** berkenaan oleh pihak-pihak seperti berikut:
 - a. calon, pencadang dan penyokong; atau
 - b. mana-mana dua (2) orang daripada mereka; atau
 - c. mana-mana seorang daripada mereka.

2. SPR menyarankan kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding agar mengisi borang dan membuat semakan awal dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor sebelum HPC serta membuat pembayaran deposit lebih awal. Resit pembayaran tersebut hendaklah dibawa ke HPC sebagai bukti pembayaran.
3. Manakala bakal-bakal calon yang mewakili mana-mana parti politik pula hendaklah mengemukakan surat kebenaran penggunaan simbol parti yang diwakili apabila membuat penyerahan Kertas Penamaan Calon.
4. Calon-calon yang telah membayar deposit bahan kempen pilihan raya adalah tertakluk kepada **Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5]** dan undang-undang kecil pihak berkuasa tempatan (PBT). Ini termasuklah penggunaan alat muzik atau pembesar suara bagi tujuan diayah politik melalui kenderaan dan menunggu atau berada dalam jarak 50 meter dari sempadan yang ditetapkan pada HPC yang merupakan satu kesalahan di bawah Akta 5.

5. SPR menyeru kepada bakal-bakal calon dan parti-parti politik yang terlibat agar sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh SPR dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan proses penamaan calon yang dilaksanakan dapat berjalan dengan baik dan lancar.

6. SPR juga ingin mengingatkan bakal calon, penyokong dan pihak berkepentingan agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga berikutan ramalan cuaca yang menunjukkan potensi hujan dan ribut petir di beberapa lokasi di Negeri Johor pada Hari Penamaan Calon. Semua pihak disaran agar merancang perjalanan bagi memastikan keselamatan dan urusan keseluruhan proses penamaan calon PRU Dewan Negeri Johor Ke-16 berjalan dengan lancar.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

25 Jun 2026 / 9 Muharam 1448H